



LKM-L1(A)

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KOKO MALAYSIA 2012

SYARAT-SYARAT LESEN PEDAGANG KOKO (Bahan Tanaman Koko)

1. Lesen ini khusus kepada pengusaha yang mengeluarkan, membeli atau menjual Bahan Tanaman koko kepada industri.
2. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan Sijil Lesen bersama Slip Pembaharuan Lesen di tempat yang mudah dilihat untuk diperiksa oleh Pegawai yang diberi kuasa.
3. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan lesen sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh tamat tempoh sah lesen.
4. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan laporan-laporan urus niaga berikut yang lengkap, benar dan tepat kepada Lembaga tidak lewat 7 haribulan pada setiap bulan berikutnya:
 - 4.1 Stok Bahan Tanaman Koko;
 - 4.2 Belian dan Jualan Bahan Tanaman Koko;
 - 4.3 Inbois Jualan Bahan Tanaman Koko; dan
 - 4.4 Lain-lain laporan yang dikehendaki oleh Lembaga.
5. Pemegang lesen hendaklah mempunyai fasiliti yang bersesuaian bagi pengeluaran bahan tanaman koko.
6. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahan tanaman termasuk biji benih, keratan mata tunas, tisu benih koko dan lain-lain yang dikeluarkan mematuhi spesifikasi Lembaga dari semasa ke semasa.
7. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa setiap bahan tanaman koko yang diangkut disertai dengan borang pemerakuan hak yang lengkap dan benar.
8. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan papan tanda "**PENJUAL BAHAN TANAMAN KOKO BERLESEN**" di tempat yang mudah dilihat dipremis urus niaga
9. Lain-lain syarat yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa.